



SIARAN MEDIA

BANDAR SERI BEGAWAN IBU NEGARA KETAMADUNAN ISLAM BAGI RANTAU ASIA TAHUN 2019

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 16 Jan 2019 – Satu sidang media mengenai Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019 telah diadakan. Dalam sidang media tersebut, Datin Paduka Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja, Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 memaklumkan bahawa Bandar Seri Begawan telah dipilih sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi rantau Asia untuk tahun 2019 bersama dengan Bandar-Bandar di rantau Arab dan rantau Afrika iaitu Tunis, Republik Tunisia dan Bissau, Republik Guinea yang mana inisiatif ini adalah di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (*ISESCO*).

Perkara ini telah dimaklumkan semasa persidangan *Islamic Conference of Culture Ministers* (ICCM) yang ke-9 pada 2 hingga 4 November 2015, di Muscat, Oman. Pada masa yang sama Bandar Seri Begawan bersama dengan Bandar-bandar yang telah dipilih sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi tahun 2019 mendapat penghormatan unik sebagai bandar raya kembar (*Twin City*) kepada bandar Al-Quds Al-Sharif. Pemilihan Bandar Seri Begawan merupakan kali ketiga bagi bandar di Asia Tenggara untuk menjadi Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi rantau Asia berikutan Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 2009 and Jakarta, Indonesia pada tahun 2011.

Dalam sidang media tersebut juga dikongsikan mengenai pelbagai acara dan kegiatan yang telah dirancang untuk dimuatkan sepanjang tahun 2019 sempena dengan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019. Acara dan kegiatan ini termasuklah kegiatan kesenian, kebudayaan, ilmiah, sukan dan rekreasi dan sebagainya. Tiga

acara utama yang akan menjadi tumpuan ialah i) Pameran Jejak Seni Bina Islam Bandar Seri Begawan; ii) Ekspo Islam Antarabangsa ke-2; dan iii) Pameran Fotografi Al-Quds Al-Sharif.

Bagi acara Pembuka Tirai Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019, majlis pembukaan Pameran Jejak Seni Bina Islam akan diadakan pada 17 Januari 2019, di Dewan Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas jam 2.00 petang. Insya Allah Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pameran ini akan mempamerkan reka bentuk dan seni bina Islam yang ada di sekitar Bandar Seri Begawan, dan disamping itu seni khat (kaligrafi) *masterpiece* dan bahan-bahan yang berkaitan dengan Melayu Islam Beraja akan turut dipamerkan. Pameran ini akan diadakan selama sebulan di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa dan kemudian akan beralih ke Galeri Seni dan ke beberapa tempat yang telah ditetapkan.

Yang Mulia Datin Paduka Hajah Norlila, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengharap dengan pengisytiharan ini negara kita akan mencapai pulangan yang bermakna sama ada dalam aspek *tangible* termasuk dalam bidang Perlancongan, mahupun *intangible* iaitu peningkatan nilai-nilai beragama dan budaya yang selaras dengan Falsafah Melayu Islam Beraja.

Seterusnya beliau juga menyeru mana-mana pihak yang ingin menganjurkan acara-acara untuk disempenakan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia 2019, adalah dialu-alukan untuk menghadapkan ke pihak Urusetia di alamat info@kkbs.gov.bn.

###

Disediakan oleh:

*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam*